

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]
TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)
SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan pertanian padi di negeri Kelantan : keluasan tanah yang ditanam padi, bilangan petani, hasil sehektar dan bantuan subsidi-subsidi yang diagihkan kepada petani-petani. Apakah yang menyebabkan hasil padi semakin menurun dan apakah musuh-musuh perosak yang dikenalpasti mengancam pertanian padi.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

KADA mempunyai keluasan tanah padi berjumlah 29,450 hektar. Petani dalam kawasan KADA menanam padi dengan kekerapan dua kali setahun iaitu pada musim utama dan luar musim dengan mendapat bekalan sumber air daripada Skim Pengairan Kemubu dan Skim Pengairan Pasir Mas/Lemal. Bilangan petani yang berdaftar dan menanam padi adalah seramai 9,500 orang manakala purata hasil padi ialah sebanyak 4.2 metrik tan sehektar pada tahun 2013. Kerajaan memperuntukkan RM2.201 bilion pada tahun 2014 bagi pemberian bantuan di bawah industri padi dan beras negara. Terdapat lima (5) jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif yang diberikan kepada petani iaitu Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Subsidi Harga Padi (SSHP), Insentif Peningkatan Hasil (IPPH), manakala Subsidi Harga Beras (ST15%) pula diberikan kepada pengilang padi.

Antara faktor yang dikenal pasti menyebabkan hasil padi semakin menurun adalah disebabkan oleh masalah tanah jerlus, masalah padi angin dan penggunaan varieti padi yang kurang berkualiti. Selain itu, serangan makhluk perosak seperti tikus, siput gondang emas, kutu beruang, kesing/pianggang, ulat-ulat, dan bena perang/bena hijau turut menyumbang kepada penurunan hasil padi.